

Kit Siang yakin BN menang pilihan raya

UM 17 NOV 1999

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang percaya Barisan Nasional (BN) akan tetap memenangi pilihan raya umum ke-10 sekali pun pakatan pembangkang bercita-cita besar untuk menewaskan parti pemerintah tersebut.

Menurutnya, pembangkang hanya yakin untuk mengurangkan majoriti dua pertiga BN di Parlimen.

Beliau mendakwa, Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil masa untuk mem-bubarkan Parlimen hanya pada hari ini kerana Perdana Menteri tidak yakin BN boleh mengekalkan kesemua kerusi biarpun yakin memperoleh semula mandat rakyat.

“Faktor mungkin menyebabkan Dr. Mahathir mengadakan pilihan raya umum sekarang adalah kontroversi kesediaan (Mursyidul Am Pas) Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menerima bukan Islam sebagai Perdana Menteri.

“UMNO pasti akan menggunakan isu ini un-

tuk menakutkan pengundi Melayu jika menyokong Barisan Pembangkang boleh menggugat kekuasaan politik mereka,” katanya pada sidang akhbar di Parlimen hari ini.

Sementara itu di IPOH, Parti Demokratik Malaysia (MDP) akan bertanding di sekurang-kurangnya tujuh kerusi Parlimen di Perak dengan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang ditandingi oleh calon DAP pada pilihan raya umum ini.

Naib Pengerusi MDP, Mohamad Asri Othman berkata, MDP akan mengemukakan calon-calon berkaliber dan profesional seperti peguam, jurutera dan tokoh agama bagi memberi pilihan kepada pengundi-pengundi.

Menurutnya, MDP memutuskan untuk meletakkan calon-calonnya di kawasan yang ditandingi DAP kerana parti itu dilihat tamak dan cuba membolot banyak kerusi dalam pakatan parti pembangkang.